

Bukam sekadar hafal

Tingkat minat, kemahiran si kecil kenali simbol perkataan

SAYA ada dua anak lelaki - sulung berusia empat tahun dan sudah pandai mengira hingga 10 dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Dia juga sudah boleh menghafal doa asas doa makan, masuk tardas dan tidur. Cuma yang mengusirkan saya, apabila diajar kenali huruf A hingga Z, anak hanya mampu hafal setakat C saja dan seterusnya mengira. Mungkinkah Dr Mastura ada petua untuk mengajar anak saya dengan lebih berkesan selain membangun minatnya? Apakah benar pada usia sebegini, sel otak anak berlembang dan menemui makna dan makrif? Apakah butu pembelajaran yang sesuai untuk kanak-kanak sebegini? Selain itu, apakah normal jika anak yang berusia dua tahun, hanya mampu menyebut hujung perkataan?

HALIZAWATI ZAKARIA



Bersama
Dr Mastura Badzis

PENDIDIKAN dalam konteks kanak-kanak, perlu dilihat sebagai satu proses berterusan berkembang serentak dengan perkembangan individu yang mana kanak-kanak akan mempelajari apa saja di sekitarnya.

Kanak-kanak yang memperoleh ilmu atau kemahiran, akan diamalkan dalam konteks yang pelbagai sama dalam kehidupan sehari-harinya pada ketika ini ataupun sebagai persediaan masa depan.

Beran seperti dikatakan, dalam tempoh enam tahun pertama, sel otak kanak-kanak aktif. Penyelidik bidang neurosains atau kajian mengenai otak yang mengkaji otak kanak-kanak mengakui bahawa pembentukan kecerdasan bermula sejak kelahiran si kecil.

Hasil kajian sekumpulan pakar neurologi pada akhir abad ke-20 men-

dapati bahawa 80 hingga 85 peratus perkembangan saraf atau sel neuron otak manusia berlaku dalam tempoh enam tahun pertama kanak-kanak dan peringkat perkembangan yang paling pesat di peringkat tiga tahun pertama dalam tempoh enam tahun berkenaan.

Pakar perkembangan dan psikologi kanak-kanak turut berpendangan bahawa lebih separuh perkembangan intelektual kanak-kanak berlaku dari dalam kandungan hingga empat tahun manakala satu pertiga yang lain sempurna perkembangannya pada usia lapan tahun.

Dalam hal ini, suatu hakikat yang perlu difahami, anak-kanak berkembang dengan cara dan kadar yang berbeza-beza aspek intelek, rohani, emosi, sosial, moral dan jasmani bergantung kepada caranya bagaimana kanak-kanak mendapat pendedahan dan diberi rangsangan.

Seumur kanak-kanak mempunyai kebolehan yang boleh dikenal pasti dan dipertingkatkan. Kanak-kanak belajar daripada apa yang berlaku pada mereka dan di sekitar mereka. Mereka tidak memisahkan pembelajaran mereka, subjek atau disiplin diri.

Dalamerti kata lain, segala apa yang dilihat dan didengari oleh seorang kanak-kanak dari persekitarannya adalah satu pembelajaran atau pendidikan baginya.

Jika sedar awal, perkembangan sosio-emosi mereka dititikberatkan, hasilnya akanlahir anak-anak

yang berwibawa, cekal hati, tinggi nilai harga diri, berketerampilan dan mampu menghadapi cabaran masa hadapan. Sebaliknya jika pendedahan awal yang mereka dapat hanya memupu kepada perkembangan akademik atau perkembangan kognitif yang berasaskan kepada kebolehan menghafal atau mengingat semata-mata, maka akan pincanglah aspek perkembangan yang lain malah boleh memberi kesan negatif pula kepada perkembangan personaliti seseorang kanak-kanak.

Apa yang penting, pendidikan anak di peringkat awal ialah penumpuan pengaruh potensi yang holistik, seimbang dan menyeluruh kepada setiap aspek perkembangan tidak hanya dalam aspek tertentu saja.

Anak perlu dilihat sebagai insan yang memiliki tubuh badan secara fizikal, mempunyai idea, perasaan, hubungan sosial yang kesemuanya berkembang dan berfungsi pada waktu sama. Pada peringkat usia awal ini, usahlah puas begitu gusar mengenai pembelajaran huruf atau penggunaan anak mengenal nombor kerana apa yang perlu lebih ditekankan ialah pemupukan minat anak terhadap membaca dan kesedaran anak mengenal matematik dalam kehidupan sehari-hari.

Seperti tulisan pada 15 Mei lalu, mengajar anak mengenal huruf untuk membaca tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa dihadului dengan pemupukan kefahaman

anak mengenai konsep cetakan yang bermakna yang memberi arti dalam pelbagai aspek kehidupan.

Pada usia empat tahun, kanak-kanak biasanya memang sudah faham konsep bahan ber cetak dan simbol yang selalu dilihat (tidak semestinya simbol berbentuk huruf semata-mata) dan mereka sudah boleh memahami setiap abjad mempunyai bunyi yang berbeza.

Usah tekankan kepada menghafal huruf, sebaliknya tingkatkan minat dan kemahiran anak mengenai simbol (perkataan bertulis) sebagai contoh mengaitkan objek di persekitaran dengan perkataan bertulis semasa bermain dengan anak atau terbabit secara aktif ketika membaca buku dengan anak. Ini termasuk merangsang anak meneka atau menyambung cerita atau menggunaan buku besar untuk meniru tulisan dan bercerita mengenai perkataan yang ditulis dan sebagainya.

Dalam konteks pembelajaran matematik, perlu difahami bahawa kemahiran mengenal unsur persamaan, perbezaan dan corak serta mencuba dan menggabungkan pelbagai strategi, cara serta teknik untuk menyelesaikan masalah.

Matematik tidak wajar diterapkan dengan meng-


INFO

Tips merangsang pembelajaran anak prasekolah :

- Tunjukkan sesuatu melalui contoh bukan dengan mengarah atau sekadar menyebut.
- Babitkan anak dengan pelbagai aktiviti yang dapat merangsang deria dan pemikirannya.
- Bila anak bertanya sesuatu soalan, sebaiknya tunjuk kepadaannya yang anda sedang merujuk buku atau ensiklopedia supaya dia dapat memahami tentang kepentingan membaca.
- Berbincang dengan anak mengenai 'fasa-fasa masa'; pagi, tengah hari, petang, malam bagi merangsang pemahamannya mengenai konsep masa.
- Berbual mengenai perbezaan dan persamaan antara dua objek atau dua perkara yang berbeza.
- Banyakkan soalan kenapa dan bagaimana.
- Pupuk kegigihan dan ketabahanannya dalam melakukan sesuatu perkara dengan kelebutan dan kasih sayang.

hafal simbol (nombor) mengikut turutan, tapi penerapan konsep asas matematik melalui proses mengenal, membanding, menganggar, menyusun dan membezakan yang membabitkan bentuk, saiz, jarak ukuran dan ruang.

Konsep nombor dalam matematik sebenarnya adalah membilang dan menggunakan bilangan serta menyelesaikan masalah, bukannya menghafal simbol bagi sesuatu nombor. Ini boleh dilakukan dan digarap ibu bapa atau pendidik secara tidak langsung melalui aktiviti kehidupan sehari-hari contohnya ketika mandi, mengeras, memasak, membiasuh baju dan sebagainya serta ketika mereka aktif bermain serta meneroka persekitaran. Inilah hakikat proses pembelajaran yang sebenar bagi kanak-kanak.



ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhnita@bharan.com.my atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.